



Ferdinand Magellan



» Penggunaan konsonan Q, V dan Z dalam dialek berbeza bahasa rumpun Malayo Polinesia

Melanau Bintulu keturunan Itali?

Oleh Hafizah Iszahanid
hafiza@bh.com.my

Mungkinkah Melanau Bintulu sebenarnya berasal daripada keturunan Antonio Pigafetta atau kru kapal bangsa Itali yang belayar bersama-sama penjelajah Portugis, Ferdinand Magellan mengelilingi dunia pada abad ke-16?

Ini kerana seperti dimaklumi, Magellan tidak berjaya dalam misi itu apabila dibunuh dengan rejaman buluh di Kepulauan Sulu pada 27 April 1521 kerana cubaannya mencampuri urusan politik tempatan.

Kematian Magellan menyebabkan kapal dengan 150 anak kapal terkandas selama beberapa bulan di Kepulauan Sulu sebelum memasuki Brunei dan ekspedisi yang diambil alih oleh Juan Sebastian Elcano itu menyambung pelayaran ke Maluku serta pulang ke Sepanyol.

Kemungkinan itu disuarakan oleh pensyarah Jabatan Bahasa Melayu, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Mohd Sharifudin Yusop, berdasarkan kajian terhadap bahasa Melanau Bintulu yang berbeza dengan bahasa Melanau dituturkan di kawasan lain seperti Mukah dianggarkan 88 peratus.

Ditambah dengan fakta terkandasnya pelayaran Magellan di Kepulauan Sulu dan Borneo dalam tempoh masa yang panjang, keberangkatan Melanau Bintulu sebenarnya berasal daripada keturunan Eropah mula diperkatakan.

Di Sarawak, terdapat 46 bahasa

sukuan dituturkan dengan Melanau ialah bahasa kelima terbesar tetapi terdapat perbezaan ketara antara bahasa yang dituturkan oleh etnik itu di Bintulu dengan masyarakatnya di kawasan lain.

Perbezaan itu sangat luar biasa sehingga jika merujuk kepada Swedish List, perbezaan itu mencecah hingga 207 kosa kata asas.

Beza 88 peratus

“Berdasarkan perbandingan leksikal dan fonologi, kami dapati 88 peratus perbezaan antara bahasa Melanau di Mukah dengan Melanau-Bintulu yang juga disebut sebagai bahasa Vaie.

“Perbezaan ini mencetuskan pertanyaan mengapa ia berbeza, sekali gus menyusul persoalan berikut mengenai asal usul bahasa Vaie,” katanya.

Beberapa penemuan awal yang mengaitkan Melanau Bintulu ini sebagai keturunan dari Itali adalah konsonan Q, V dan Z yang sangat banyak digunakan dalam bahasa etnik berkenaan yang bertentangan kebanyakan bahasa rumpun Malayo Polinesia yang dituturkan di Kepulauan Melayu.

Justeru, hal itu menjadi sesuatu yang luar biasa bagi rumpun Malayo Polinesia tetapi pada masa sama, ia biasa ditemui dalam struktur bahasa Eropah.

Konsonan Q, V dan Z

Antaranya konsonan Q seperti qalak yang bermaksud hasil; naqel (lucu); pureq (mudik); qipak (ketiak) dan saq (cetek), manakala huruf V pula ialah vak (bengkak); tevau (busuk); tavivu (berlari); uvie (bedah) serta

balavala (pedas).

Bagi konsonan Z, contoh perkataan ialah gezezan yang bermakna geram; uzeu (kejar); begazau (bergaru); gezep (mengeletar) dan mezak (malu).

Sementara itu, dalam bahasa Melanau Mukah hasil disebut sebagai kena'an; lucu (lucu); bengkak (upat); ketiak (awiek); berlari (pebah); pedas (lasuk); kejar (tulok); busuk (madam); geram (panaih); mengeletar (pegekah) dan malu (miak).

Sharifudin berkata, Bintulu sebagai bandar persisiran pantai yang meliputi kawasan sehingga Labang, Jepak, Pandan, Sebieu, Kuala Tatau, Sibuti, Niah dan Suai mempunyai 17,528 penutur asli bahasa Melanau Bintulu.

Bahasa Vaie

“Selain disebut sebagai bahasa Vaie, ada kala bahasa etnik itu juga dirujuk sebagai Vaie Segan atau juga dikenali dengan nama Qaob Vaie.

“Golongan tuanya selalu mengaitkan diri mereka sebagai bangsa Melanau tetapi generasi mudanya mahu mereka dirujuk sebagai Vaie Segan,” katanya.

Dari segi geografi, Sharifudin berkata, Vaie ialah penempatan kecil di Turin, Itali yang memiliki jumlah penduduk seramai 1,413 orang.

“Ini menguatkan lagi teori

kemungkinan mereka datang dari Itali dan perlu diingat bahawa Pigafetta ialah sarjana negara itu yang turut bertindak sebagai pembantu Magellan dengan membuat catatan sepanjang pelayaran,” katanya.

Tambah Sharifudin, seandainya dapat dibuktikan Melanau Bintulu ini datang dari keturunan Itali, ia pasti saja penemuan yang menarik kepada landskap bahasa sukuan di Sarawak selain membuka seluas-luasnya pintu kajian terhadap sejarah bangsa Melanau Bintulu.



INFO

Antonio Pigafetta

© Dilahirkan di Republik

Venice sekitar tahun 1491

© Menyertai ekspedisi Ferdinand Magellan di bawah perintah Raja Charles 1 dari Sepanyol

© Beliau menghasilkan Daftar Kata Itali-Melayu pada 1522 dengan menyenaraikan 426 patah perkataan

© Ketika pelayaran terkandas di Kepulauan Sulu, Pigafetta menambah bilangan daftar kata sebanyak 145 patah perkataan.

© Beliau berkomunikasi dengan penduduk tempatan melalui bantuan Panglima Awang yang dalam sejarah Barat lebih dikenali sebagai Enrique.

© Ekspedisi tanpa Magellan yang dibunuh pada 1521 itu meninggalkan Kepulauan Sulu pada 21 Jun sebelum belayar ke Kepulauan Borneo dengan bantuan pelayar bangsa

Moro yang mempunyai kemahiran mengendalikan kapal di laut cetek.

© Pigafetta bersama 18 anak kapal kembali ke Sepanyol pada tahun 1522



Dr Mohd Sharifuddin mengulas mengenai Pengenalan Bahasa Melayu Vaie di Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM Serdang.